

'Usaha jadi negara terbilang'

Um- 15/6/2007.

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN
dan JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 14 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat supaya memikirkan usaha yang perlu dibuat untuk 50 tahun akan datang bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar terbilang sempena 100 tahun kemerdekaannya ketika itu.

Perdana Menteri berkata, negara akan mencapai Wawasan 2020 kurang daripada 13 tahun lagi, tetapi rakyat perlu menentukan ke arah mana negara selepas itu dan apakah matlamat yang hendak dicapai seterusnya.

Menurutnya, jika Wawasan 2020 mengenal pasti sembilan cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat bersatu, demokratik, beretika, toleransi, saintifik dan makmur, tahun 2057 haruslah berkaitan laluan ke arah kecemerlangan.

"Jika 2020 adalah mengenai jenis orang yang kita akan menjadi, 2057 adalah me-

ngenai puncak yang orang kita harus capai," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menyampaikan ucapan bertajuk *Menoleh Ke belakang, Mara Ke Hadapan: 50 tahun Perniagaan di Malaysia* pada majlis makan malam Kelab Perniagaan Kuala Lumpur di sini malam ini.

Abdullah berkata, Malaysia yang menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan sememangnya membawa nostalgia tetapi ia juga menjadikan beliau optimistik.

"Ketika mula menjadi Perdana Menteri, saya komited kepada Wawasan 2020 dan saya masih berpegang kepada ikrar tersebut.

"Namun, semakin difikirkan mengenai 50 tahun kemerdekaan negara, semakin saya membayangkan apa keadaannya 50 tahun lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, slogan *Cemerlang, Gemilang, Terbilang* baginya membawa banyak makna bagi masa depan negara ini kerana ia mewakili satu falsafah yang boleh mendorong rakyat ke hadapan.

"Ia adalah pendekatan untuk mendorong kita ke depan, sentiasa, dari generasi ke generasi dengan kita mewujudkan nilai tambah, memupuk inovasi, menjana pengetahuan, tidak sesekali menoleh ke belakang atau berundur," katanya.

"Inilah semangat yang mengukuhkan lima teras dalam Misi Nasional. Dan semangat yang sama yang memimpin impian saya bagi tahun 2057," kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata, 100 tahun merdeka akan menyaksikan masyarakat Malaysia, negara ini mencapai sesuatu yang tidak terbayang.

"Saya serahkan kepada anda untuk memikirkannya, untuk anda mendebatkannya dan untuk anda memutuskan.

"Saya telah membuat keputusan bahawa apa sahaja yang saya lakukan hari ini, ia hendaklah untuk generasi Sentenial yang kaya di minda dan juga semangat," kata Perdana Menteri.

Selain itu, Abdullah menegaskan, Malaysia tidak seharusnya terlalu menyekat ke-masukan pekerja mahir terutamanya da-

lam sektor strategik memandangkan ia akan memberi faedah kepada negara.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya penduduk Malaysia yang bekerja akan mendapat faedah daripada interaksi yang lebih luas dengan tenaga mahir dari luar.

"Sudah tentu, kita boleh meningkatkan diri kita sekiranya kita bekerja dan belajar dengan mereka yang berkemahiran," kata beliau.

Bagi mendapatkan pekerja mahir, beliau berkata Malaysia seharusnya membantu pelajar asing yang mahir untuk terus tinggal selepas tamat pengajian.

Sementara itu, pada sesi soal dan jawab selepas itu, Abdullah berkata, usaha penubuhan Synergy Drive, syarikat perladangan sawit terbesar Asia Tenggara menerima restu dan sokongan kerajaan.

"Kami benar-benar mahu ia berjaya dan muncul sebagai sebuah syarikat yang kukuh, cekap dan berdaya saing.

"Pada masa yang sama, kami sedang memerhatikan perkembangannya kerana penggabungan tiga syarikat besar bukan suatu yang mudah," ujarnya.